



INSTITUT KOPERASI MALAYSIA

(Agensi Di Bawah Kementerian Pembangunan Usahawan & Koperasi)
Pemberitahuan Kekosongan Jawatan

Tuan/puan yang berkelayakan adalah dipelawa memohon jawatan berikut:

JAWATAN	KUMPULAN PERKHIDMATAN	KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	TARAF JAWATAN	GAJI (JGMM)	KEKOSONGAN / PENEMPATAN
PEGAWAI PENERANGAN GRED S48 (PENGARAH KOMUNIKASI KORPORAT)	Pengurusan dan Profesional	Sosial (S)	Kontrak (Contract Of Service)	<u>Gaji Minimum</u> RM5,117.00 <u>Gaji Maksimum</u> RM11,632.00 <u>Kenaikan Tahunan</u> RM270.00	1 Kekosongan/ IKMa Ibu Pejabat

SYARAT-SYARAT LANTIKAN:

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- Warganegara Malaysia;
- Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- Mempunyai kelulusan:
 - Ijazah Sarjana Muda kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
 - Ijazah Sarjana Muda Komunikasi Massa dengan kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

Dan Calon hendaklah memiliki Kejujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

d) Minimum pengalaman bekerja dalam bidang berkaitan selama lima (5) tahun;

i) Keutamaan akan diberikan kepada calon-calon yang mempunyai kemahiran mengurus hal ehwal korporat dan melaksanakan ENGAGEMENT dengan pihak media/ *stakeholder*, keberkesanan perancangan dan pelaksanaan media berhubung dengan publisiti, promosi dan kempen serta berkeupayaan melaksanakan pemerkasaan imej organisasi.

ii) Berkemahiran dalam penguasaan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dalam penulisan dan komunikasi.

Skop tugas seperti di Lampiran.


HAMIDAH BINTI MOHD JOS
Timb. Ketua Pengarah Pengurusan
INSTITUT KOPERASI MALAYSIA
103, Jalan Templer, 46700 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan.

CARA MEMOHON:

a) Membuat permohonan melalui mana-mana kaedah berikut:

i) Portal eJawatan IKMa iaitu: ejawatan.ikma.edu.my/spp/login.cfm atau

ii) Portal MYFutureJobs iaitu: <https://www.myfuturejobs.gov.my> atau

iii) Emel kepada: jawatankosong@ikma.edu.my sama ada menggunakan **Borang Permohonan Jawatan Kosong** yang boleh didapati di Laman Web Institut Koperasi Malaysia (www.ikma.edu.my) atau menghantar **RESUME** beserta **salinan sijil** yang telah disahkan.

b) Tarikh tutup permohonan ialah pada 24 September 2023

PERHATIAN

Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.

SKOP TUGAS

- 1. Bertindak sebagai Focal Point Jabatan dalam penyampaian dan penyaluran maklumat di peringkat Jabatan, Nasional dan Antarabangsa;**
- 2. Merancang dan melaksanakan strategi pemeraksanaan imej korporat IKMa;**
- 3. Merancang, menyelaras dan melaksanakan pelan komunikasi, pemasaran, konsep promosi dan program publisiti untuk meningkatkan reputasi serta memperkukuhkan identiti dan imej IKMa secara berterusan;**
- 4. Mengurus aspek perhubungan awam IKMa yang melibatkan hubungan media dan hubungan pihak luar dengan IKMa;**
- 5. Menghasilkan video multimedia aktiviti IKMa secara berkala;**
- 6. Menyelaras dan mengurus lawatan rasmi IKMa dan kunjungan pelawat rasmi ke IKMa dalam dan luar negara;**
- 7. Merancang, mengurus, mendokumentasi penerbitan IKMa, laporan tahunan, buletin, video korporat, iklan, borosur serta lain-lain bentuk penerbitan bagi tujuan mempromosikan IKMa;**
- 8. Menyediakan dan menyelas teks ucapan dan kenyataan akhbar seterusnya mendokumentasi maklumat tersebut untuk rujukan jabatan;**
- 9. Merancang dan menguruskan portal IKMa dan sosial media yang lain secara sistematik bagi pencarian maklumat yang efektif;**
- 10. Membuat liputan dan mengeluarkan artikel bagi program rasmi dalam dan luar IKMa;**
- 11. Menyertai program pameran anjuran agensi, koperasi atau kementerian;**
- 12. Menyelia setiap kakitangan Unit Komunikasi Korporat dan Unit Perkhidmatan Perpustakaan; dan**
- 13. Menjalankan lain-lain tugas rasmi yang diarahkan dari semasa ke semasa.**